



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 49/2023

ZAKAT DAN HIKMAHNYA

8 Disember 2023

Bersamaan

24 Jamadilawal 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaian terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَكَفَى، وَسَلَامٌ عَلٰى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهٌ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَرَاقِبُوهُ فِي جَمِيعِ أَعْمَالِكُمْ.
إِنَّ اللّٰهَ لَا يَخْفِي عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ

Sidang jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah swt dan ingatlah akan pemerhatian Allah dalam segala amal kerja kita. Sesungguhnya tiada suatu jua pun terlindung daripada ilmu pengetahuanNya yang maha luas lagi maha meliputi segalanya.

Berdirinya khatib pada hari yang mulia ini adalah untuk menyampaikan khutbah bertajuk

“ZAKAT DAN HIKMAHNYA”.

Saudara-saudara kaum muslimin,

Menjadi suatu lumrah kebiasaan para Sahabat Nabi Muhammad SAW untuk saling berpesan di antara satu sama lain supaya mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan bersegera menunaikan kewajipan, termasuklah kewajipan

mengeluarkan zakat. Apatah lagi kita sebagai umat Islam akhir zaman ini, amat memerlukan kepada pesanan dan ingatan sebegini. Ini adalah kerana dalam pengeluaran zakat mengandungi hikmah untuk membersihkan jiwa yang beriman dan menggembirakan hati fakir miskin, di samping membawa perubahan ketenteraman dan keberkatan dalam masyarakat Islam. Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُزْكِّيهِمْ بِهَا وَاصْلِ عَلَيْهِمْ

إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ

١٠٣

Maksudnya: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Allah Ta'ala tidak mewajibkan zakat kerana sesuatu hajatNya sendiri, malahan zakat itu difardukan ke atas orang Islam supaya faedah dan manfaatnya kembali kepada masyarakat Islam, mempereratkan ikatan kasih mesra dan menimbulkan perasaan saling bertimbang rasa sesama mereka.

Muslimin yang dikasihi,

Umat Islam kita pada hari ini berada dalam keadaan lemah dan terkebelakang kerana mereka gagal menyempurnakan dengan sewajarnya rukun-rukun Islam. Maka, jika kegemilangan umat Islam yang dahulu ingin kita miliki semula dan kita ingin melihat masyarakat kita sejahtera dan teguh, maka jalan yang utama sekali ialah dengan menunaikan segala rukun Islam dengan sebaik-baiknya.

Kita sekalian telah maklum bahawa, zakat itu ialah salah satu daripada rukun-rukun Islam yang lima. Sebagaimana kita wajib mendirikan sembahyang dan

berpuasa, maka sedemikianlah juga kita wajib menunaikan zakat. Zakat merupakan satu aturan atau sistem ekonomi yang membolehkan umat Islam bekerjasama dan bantu membantu antara satu sama lain dalam pekerjaan dunia, di samping berbakti dan mendekati diri kepada Allah SWT.

Agama Islam telah menerangkan dengan jelas jenis-jenis harta yang diwajibkan padanya zakat, seperti zakat emas dan perak, zakat perniagaan, zakat binatang ternakan, zakat hasil pertanian dan lain-lain. Al-Quran yang mulia pula telah menerangkan kepada siapakah, zakat itu mesti dibelanjakan. Allah SWT telah berfirman dalam surah at-Taubah, ayat 60:

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوْجُهُمْ﴾

﴿وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّيِّلِ﴾

﴿فَرِيضَةً مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

٦٠

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang menguruskannya , dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang sedemikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Oleh yang demikian, tunaikanlah setiap kewajiban yang diperintahkan ke atas kita. Janganlah kita mengerjakan satu rukun Islam, tetapi meninggalkan yang lain dalam keadaan kita berkuasa mengerjakannya. Padahal tiap-tiap rukun

Islam itu sama sahaja pentingnya. Setiap satunya mengandungi hikmah-hikmah yang tertentu dan merupakan kewajipan hamba terhadap Tuhan-Nya.

Muslimin yang dihormati,

Kita sayugia mengetahui bahawa harta benda yang ada di tangan kita adalah amanah Allah Ta'ala kepada kita. Kita diperintahkan supaya membelanjakannya menurut cara-cara yang diaturkan oleh Allah Ta'ala. Kalau tidak, jadilah harta benda itu bala yang mengancam kita. Barangsiapa yang enggan atau engkar menunaikan zakat yang diwajibkan ke atasnya, maka hartanya itu lambat laun akan ditimpa kemerosotan dan kebinasaan. Pada hari Kiamat kelak, dia akan menerima balasan azab siksa yang pedih, sebagaimana firman Allah dalam surah at-Taubah, ayat 34:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُوهُنَّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ

فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ



Maksudnya: Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Muslimin yang dimuliakan Allah,

Kita wajib bersyukur kepada Allah SWT kerana pihak Ulul Amri di negeri ini, menerusi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM), telah menyusun dan mengatur urusan zakat ini dengan cermat dan teliti pembahagiannya, menurut apa yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Justeru itu, bersegeralah menunaikan zakat apabila memenuhi syarat-syaratnya melalui saluran yang telah disediakan.

Khatib memohon kepada Allah SWT agar kita semua dikurniakan taufiq dan dorongan untuk menunaikan fardu zakat. Mudah-mudahan Allah Ta'ala menerima amalan kita dengan kelimpahan dan kemurahanNya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنفَقُوا مِنْ مَارَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا
أَخْرَتَنِي إِلَى أَجَلِ قَرِيبٍ فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ

10

Maksudnya: Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, lalu dia berkata: Wahai Tuhan! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajalku ke suatu masa yang sedikit lagi, maka aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang yang salih.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Wahai hamba-hamba Allah, berbaktilah kepada Allah SWT dan jagalah setiap gerak geri dan tutur kata. Setiap tindakan yang dilakukan dan setiap perkataan yang diucapkan pasti akan dicatat oleh malaikat. Sesungguhnya setiap manusia akan diserahkan buku amalan masing-masing pada hari Akhirat nanti, dan ketika itu setiap yang tercatat dalam buku amalan tidak dapat diubah dan tak dapat dipinda lagi. Mudah-mudahan dengan peringatan ini, kita akan menjadi hamba Allah yang mendapat rahmat serta keampunan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga bersama kekasih kita Nabi Muhammad SAW.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكَتِ كَوَافِرَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِيْهَا الْذِيْنَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ أَسَلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيْمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاه، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ
زَاهِرَة، سُلْطَانَةِ تَرَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَاعِيَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانِ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ
الدِّينَ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kurniakanlah ganjaran pahala yang berterusan kepada pembayar- pembayar zakat yang telah menunaikan zakat melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta berkatilah dan rahmatilah segala harta- harta mereka yang berbaki. Kami memohon kepada-Mu agar harta- harta kami menjadi harta-harta yang bersih dan jadikanlah zakat kami ini sebagai saham buat kami di akhirat kelak.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukaanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa juu kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada saudara kami di sana dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يَا اللَّهُ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَإِشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَرِدُكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.

